

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 24 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 5

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1523-MQT2406

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan ada mengeluarkan apa-apa garis panduan tentang perkara-perkara yang boleh diucapkan atau tidak boleh diucapkan dalam sesuatu demonstrasi aman.

2. PR-1523-MQT2412

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan strategi pengkomersialan dan inovasi (C&I) yang akan digarap dalam penyampaian perkhidmatan awam yang berupaya mendukung Malaysia untuk menjadi antara 30 negara terunggul dalam Indeks Inovasi Global menjelang tahun 2025.

3. PR-1523-MQT2409

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian akan menggunakan pakai padang jenis Zeon Zoysia di stadium lain selain Stadium Nasional Bukit Jalil memandangkan kualiti padang tersebut terbukti berkualiti tinggi dan bertaraf antarabangsa.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 24 OKTOBER 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 59**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1523-L21767

**Tuan Zahir bin Hassan [ Wangsa Maju ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :

- (a) sejauh mana penggunaan Akaun Pembangunan Perumahan (HDA) dapat mengawal masalah projek-projek perumahan sakit dan terbengkalai; dan
- (b) sejauh mana kepatuhan/keingkaran penggunaan akaun HDA dalam kalangan pemaju.

2. PR-1523-L22301

**Tuan Muhammad Fawwaz bin Mohamad Jan [ Permata Pauh ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan keberkesanan dan impak terhadap industri sukan tanah air hasil pelaksanaan Geran Padanan Sukan (GPS).

3. PR-1523-L21362

**Dato Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Kerajaan akan mengambil langkah untuk mendirikan sebuah bangunan Pejabat Persekutuan yang baru bagi menggantikan bangunan lama yang uzur dan tidak mempunyai ruang pejabat yang mencukupi untuk pegawai-pegawai dan kakitangan.

## 4. PR-1523-L22345

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah bantuan kewangan kos bayaran haji secara bersasar bagi kategori B40, M40 dan T20 seperti yang telah dilaksanakan pada musim haji tahun ini iaitu 2023, akan diteruskan pada tahun hadapan dan adakah sistem ini adil bagi pendeposit Tabung Haji.

## 5. PR-1523-L21850

**Puan Rodziah binti Ismail [ Ampang ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kemungkinan menetapkan dasar membatalkan terus nombor kitar semula demi menjamin keselamatan dan ketenteraman pengguna pra-bayar dan pasca-bayar yang diberi nombor talian lama dikitar semula tetapi selalu menerima gangguan malah intimidasi terhadap ruang privasi mereka kerana butiran pengguna lama kekal.

## 6. PR-1523-L22637

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian akan menilai semula keputusan yang telah dibuat untuk menangguhkan membeli kapal Multi Role Support Ship (MRSS).

## 7. PR-1523-L21781

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sejauhmanakah keberkesanaan pelaksanaan Program Penyeragaman Harga terutamanya di kawasan pendalaman Sabah dan adakah Kementerian berhasrat untuk menyeragamkan keseluruhan harga barang bagi memastikan tiada diskriminasi ekonomi berlaku.

## 8. PR-1523-L22231

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan sejauh mana perancangan Kementerian untuk menggalakkan perolehan Kerajaan agar memberikan keutamaan kepada *homegrown technology* iaitu teknologi-teknologi yang dibina di sini atau yang telah menerima dana-dana daripada pihak Kerajaan dan berjaya dikomersialkan.

## 9. PR-1523-L21281

**Tuan Chiew Choon Man [ Miri ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan projek sakit swasta yang berjaya diselamatkan sejak Januari 2023 beserta nilaiannya GDV.

10. PR-1523-L21895

**Tuan Kalam bin Salan [ Sabak Bernam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan status terkini Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) dan apakah langkah lanjut bagi memastikan National Anti-Corruption Strategi (NACS) adalah usaha komprehensif yang dilaksanakan bersama rakyat dan pemegang taruh negara untuk mencapai kedudukan terbaik dalam *Corruption Perspective Index*.

11. PR-1523-L21475

**Puan Young Syefura binti Othman [ Bentong ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan kesudian Kementerian untuk memansuhkan atau membuat pindaan mengenai Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia serta menyatakan garis masa dan hala tuju pemansuhan atau pindaan tersebut.

12. PR-1523-L21719

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan komprehensif untuk menjadikan Sarawak sebagai antara pemangkin pengeluar utama tenaga hidrogen hijau di rantau ini ke arah mengoptimumkan potensi sumber penghasilan sumber tenaga bersih di Malaysia.

13. PR-1523-L21189

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam tempoh masa 10 tahun dari sekarang untuk Pembangunan Sukan dan Kebajikan Paralimpik dan Pesara.

14. PR-1523-L22358

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [ Sik ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf akses dan kapasiti capaian jalur lebar bagi daerah Sik yang masih pada tahap yang tidak memuaskan.

15. PR-1523-L21374

**Dato' Sri Sh Mohamed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tahap keberkesanan program Jualan Rahmah yang kini semakin meluas perlaksanaannya.

## 16. PR-1523-L22534

**Datuk Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [ Pengkalan Chepa ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kerajaan membuat pindaan Perlembagaan Persekutuan bagi memberi kuasa kepada Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal dan seterusnya memperkasa undang-undang syariah.

## 17. PR-1523-L21614

**Dr. Mohammed Taufiq bin Johari [ Sungai Petani ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah bagi memastikan pemaju kawasan perumahan membangunkan projek baru dengan mengambil kira unjuran kepadatan penduduk, unjuran trafik serta perancangan bandar secara keseluruhan.

## 18. PR-1523-L21714

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan isu kenaikan harga beras dan kos sara hidup kebelakangan ini menjadi topik perbualan hangat dalam kalangan rakyat, terutama golongan B40 dengan saiz pendapatan isi rumah yang kecil menyebabkan mereka adalah kumpulan paling tersepit dengan keadaan semasa.

## 19. PR-1523-L21244

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang perkembangan mengembalikan hak-hak dan autonomi ke Sabah dan Sarawak mengikut perjanjian MA63.

## 20. PR-1523-L22375

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan cadangan tentang langkah yang boleh dibuat untuk mengekalkan momentum pasukan bola sepak Harimau Malaya pimpinan Kim Pan Gon.

## 21. PR-1523-L22191

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan meneliti semula mana-mana peruntukan perundangan Persekutuan bagi membolehkan pewujudan klausa baharu iaitu pengosongan kerusi dalam tempoh tertentu oleh mana-mana Ahli Dewan Rakyat yang keluar daripada mana-mana blok politik yang dia terlibat sebelumnya sebagai ahli bersekutu.

22. PR-1523-L22639

**Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM (Bersara) [ Lumut ]** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan status terkini jumlah bilangan bekas tentera yang tidak diiktiraf sebagai veteran disebabkan salah laku dan jumlah mereka yang telah diberi pengampunan dan diiktiraf sebagai veteran.

23. PR-1523-L21549

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan dan komitmen Kerajaan dalam memantapkan dan memperkasakan 10 buah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang telah diwujudkan agar berkeupayaan menjadi semak dan imbang ke arah mereformasikan Parlimen Malaysia.

24. PR-1523-L22251

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah jaminan Kerajaan untuk mematuhi prinsip federalisme dan tidak menghukum rakyat di negeri yang tidak sealiran dengan Kerajaan Persekutuan.

25. PR-1523-L22158

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan mengenai agenda dan isu terkini yang sedang mendapat perhatian pihak Kerajaan di dalam Majlis Tindakan Pelaksanaan MA63 demi memastikan kemakmuran di Wilayah Sabah dan Sarawak. Nyatakan juga agenda baharu yang akan mendapat perhatian selanjutnya Kerajaan Pusat.

26. PR-1523-L21713

**Kapten Azahari bin Hasan [ Padang Rengas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pertimbangan semula agihan peruntukan dari pihak Kerajaan kepada pihak pembangkang kerana tidak mungkin Ahli Parlimen pembangkang mampu untuk menyelesaikan segala masalah dan aduan rakyat di Parlimen Padang Rengas tanpa sebarang peruntukan. Ini adalah bagi memastikan semua ahli parlimen dapat membantu menyelesaikan segala aduan dan masalah daripada rakyat di kawasan Parlimen masing-masing.

27. PR-1523-L21190

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah Kementerian telah menyediakan satu garis panduan dalam membendung keselamatan siber bagi menangani masalah penyebaran fitnah, scam, dan perbuatan khianat selaras dengan lingkup kuasa SKMM, Cyber Security, MDEC dan JPDP.

28. PR-1523-L21678

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

- (a) mekanisme memperkasa pematuhan piawaian standard persijilan halal dan kriteria utama permohonan pemilikan sijil halal; dan
- (b) berikan jumlah dan justifikasi utama permohonan sijil halal yang dikemukakan oleh kebanyakan syarikat dan usahawan Islam ditolak permohonannya.

29. PR-1523-L22134

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan statistik bilangan penduduk terutamanya di Bandar Klang yang berada dalam kategori miskin bandar serta strategi jangka panjang bagi mengurangkan atau menghapuskan miskin bandar dengan mengambil kira trend penghijrahan dan akses desa ke bandar.

30. PR-1523-L22238

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap dakwaan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Dato' Seri Tiong King Sing bahawa berlakunya rasuah dan penyalahgunaan kuasa dalam kalangan pegawai imigresen di pintu masuk negara.

31. PR-1523-L22153

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan perkembangan terkini usaha Kerajaan Persekutuan untuk merealisasikan kuota pertambahan kerusi Parlimen buat Wilayah Sabah dan Sarawak sebanyak 35% sepermula yang telah direncanakan di bawah Majlis Khas Perjanjian Malaysia 1963 (MKMA63).

32. PR-1523-L21968

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rasionalnya terdapat pinjaman berlesen (kelulusan KPKT) yang berleluasa dan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian bagi membantu rakyat dalam menyelesaikan masalah pembayaran balik dan diburu oleh ejen tersebut dengan ugutan dan ancaman.

33. PR-1523-L22285

**Tuan Gobind Singh Deo [ Damansara ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa kos perbelanjaan yang telah dibelanjakan semasa Pilihan Raya Negeri bagi enam negeri baru-baru ini.

34. PR-1523-L21704

**Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Mohd. Yassin [ Pagoh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pengakuan YAB Perdana Menteri sendiri semasa Sidang Kemuncak Asia ke-10, Milken Institute di Singapura baru-baru ini bahawa Peguam Negara berjumpa beliau berhubung pengguguran 47 pertuduhan ke atas YAB Bagan Datuk dan beliau bertanya sama ada Peguam Negara boleh menyokong pelepasan YAB Bagan Datuk. Peguam Negara menjawab ya. Apakah ini bermakna wujud campur tangan kuasa eksekutif dalam urusan Jabatan Peguam Negara.

35. PR-1523-L21489

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini kes waris Sulu dan usaha Kerajaan untuk membatalkan (*set aside*) *final award* oleh Dr Gonzales Stampa di mahkamah Perancis. Bagaimanakah State Immunity Bill akan membantu menjamin kedaulatan negara.

36. PR-1523-L22424

**Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun [ Hulu Selangor ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan terdapatkah dalam perancangan Kementerian untuk mengubah pendapatan minimum RM1200 kepada peneroka FELDA sesuai dengan keadaan kos sara hidup yang tinggi pada masa kini.

37. PR-1523-L21478

**Tuan Pang Hok Liong [ Labis ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan Malaysia tidak mengiktiraf tuntutan China di Laut Cina Selatan seperti digariskan dalam Peta Standard China Edisi 2023 yang meliputi sebahagian besar perairan atau maritim Malaysia. Sila nyatakan penjelasan atau cara penyelasaian di pihak China memandangkan Malaysia telah menghantar nota bantahan kepada China.

38. PR-1523-L21828

**Tuan Tan Kar Hing [ Gopeng ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan pelan dan langkah-langkah Kementerian dalam usaha menjamin hak-hak peniaga tulen di platform e-dagang supaya penggunaan dan jualan mereka tidak disekat oleh platform akibat peniaga palsu dan serangan siber.

39. PR-1523-L22418

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [ Maran ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pembeli rumah pertama bertaraf residensi atau komersial bagi tahun 2018-2022 masih layak untuk mendapat pengecualian cukai LHDN bagi pembelian rumah pertama.

40. PR-1523-L21509

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah terdapat perancangan bersama pihak PBT untuk meluaskan konsep *shared street* di kawasan perumahan, bandar atau komersial seperti di negara UK dan Taiwan agar pejalan kaki dan penunggang basikal/motor berkongsi ruang yang sama dan kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan.

41. PR-1523-L22228

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mahu meneruskan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat buku My Story: Justice in the Wilderness yang ditulis oleh mantan Peguam Negara, Tan Sri Tommy Thomas, jika ya, apakah statusnya sekarang.

42. PR-1523-L21568

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos dan perbelanjaan yang diijimatkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui pembubaran Kementerian Wilayah Persekutuan. Apakah masalah yang dihadapi oleh Kerajaan selepas Kementerian Wilayah Persekutuan dibatalkan.

43. PR-1523-L22216

**Dr. Radzi Jidin [ Putrajaya ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :

(a) status pelaksanaan *Put Option* oleh FELDA terhadap pegangan dalam Eagle High Plantations (EHP); dan

(b) usaha Kerajaan untuk memastikan hak FELDA terpelihara memandangkan harga saham EHP telah jatuh daripada 584 Rupiah Indonesia sesaham sewaktu dibeli pada 23/12/2016 kepada cuma 58 Rupiah Indonesia pada 18/09/2023.

44. PR-1523-L21535

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keghairahan sebahagian pemimpin parti-parti politik menggunakan sentimen agama untuk meraih sokongan dalam siri kempen pilihan raya dan mendoktrin para penyokong untuk melabel lawan dengan gelaran yang melampaui batas. Apakah langkah-langkah yang telah diambil dan akan dijalankan dalam usaha membendung budaya takfiri dan melampau daripada merebak dalam masyarakat Islam.

45. PR-1523-L21222

**Tuan Fong Kui Lun [ Bukit Bintang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan wang 1MDB yang berjaya terkumpul dan diambil balik daripada pihak-pihak yang terlibat di luar negara setakat ini.

46. PR-1523-L22696

**Tuan Wong Kah Woh [ Taiping ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status reformasi institusi untuk memisahkan jawatan Peguam Negara dan Pendakwa Raya dan apakah tempoh masa (*timeline*) yang ditetapkan untuk tujuan tersebut.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R. 31/2023 ) Rang Undang-undang Perbekalan 2024 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** ( 23 Oktober 2023 )

DAN

**Usul dibuat oleh YAB Menteri Kewangan dan masalah dicadangkan :-**

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari sembilan puluh dua bilion ringgit (RM92,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2024, dan bagi tujuan dan butiran Perbelanjaan Pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 34 Tahun 2023, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.”

**Menyambung semula perbahasan atas masalah ( 23 Oktober 2023 )**

2. ( D.R. 33/2023 ) Rang Undang-Undang Syarikat (Pindaan) 2023 - **Menyambung semula perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,"** ( 12 Oktober 2023 )

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup ]**

3. ( D.R. 25/2023 ) Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 – **Bacaan Kali Yang Kedua**

Dan;

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Dzulkefly bin Ahmad, Ahli Parlimen Kuala Selangor akan mencadangkan :

**“BAHAWA** Penyata yang disiapkan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan untuk mengkaji Rang Undang-Undang Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023, yang dibentangkan dalam Majlis ini sebagai Kertas DR. 8 Tahun 2023 diperkenankan mengikut Peraturan Mesyuarat 60”.

4. ( D.R. 26/2023 ) Rang Undang-Undang Makanan (Pindaan) 2023. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
**[ Menteri Kesihatan ]**

5. PR-1523-U(27)278  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menangani isu gangguan bekalan beras putih tempatan (BPT) di pasaran yang kian meruncing susulan tindakan India menghentikan eksport beras putihnya ke pasaran.

Langkah penetapan had pembelian maksimum 100kg BPT untuk setiap individu dan syarikat bermula 7 September 2023 hanyalah penyelesaian yang bersifat sementara dan Kerajaan seharusnya mula merangka satu pelan yang lebih tuntas dalam usaha menjamin keterjaminan bekalan beras di Malaysia bagi jangka masa yang panjang.

Kerajaan perlu segera mewujudkan rangka tindakan yang lebih komprehensif bagi mengurangkan impak inflasi makanan global dari terus menghimpit rakyat negara ini khususnya berkaitan beras yang menjadi makanan ruji kita semua."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

6. PR-1523-U(27)279  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mencari penyelesaian untuk mengurangkan kos pengambilan pekerja asing yang kian melambung tinggi. Kebergantungan majikan tempatan terhadap pekerja asing berbanding pekerja tempatan di negara ini bukanlah perkara asing terutama dalam sektor 3D (*dirty, dangerous and difficult*).

Maka, adalah penting untuk mewujudkan satu dasar yang lebih komprehensif bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing agar pekerja tempatan diberi keutamaan terlebih dahulu dengan reformasi terhadap ekosistem sektor 3D meliputi kadar gaji, faedah dan sebagainya yang berpadanan dengan risiko pekerjaan perlu diimplementasikan secara berseiringan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

7. PR-1523-U(27)280  
**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mewujudkan satu dasar mengutamakan sajian menu buah-buahan tempatan di semua majlis rasmi Kerajaan sebagai galakan dan sokongan kepada pemain industri buah-buahan tempatan serta ke arah membudayakan amalan pemakanan sihat.

Adalah menjadi tanggungjawab Kementerian bagi membantu pengusaha buah-buahan tempatan untuk memasar serta mempromosi hasil ladang mereka dan sekali gus meningkatkan pendapatan. Maka melalui sajian menu buah-buahan di kesemua majlis rasmi Kerajaan perlu dibudayakan sepenuhnya sebagai sokongan terhadap industri buah-buahan tempatan.

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

8. PR-1523-U(27)281  
**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan Jumlah Kadar Kesuburan (Total Fertility Rate) bagi rakyat Malaysia terus meningkat.

Negara kita telah beralih ke status negara menua pada tahun 2021. Hal Ini kerana peratusan penduduk berusia 65 tahun dan ke atas telah mencapai 7% daripada jumlah populasi. Trend ini menunjukkan peningkatan dalam dua tahun lalu pada kadar 0.2 peratus setahun di mana pada tahun 2022 sebanyak 7.2% dan dijangka pada tahun 2023 mencapai 7.4%.

Dalam tempoh dua dekad lagi, negara dijangka beralih kepada negara tua apabila kohort umur yang sama mencapai 14% daripada jumlah populasi. Peralihan ini tentunya memberikan kesan yang paling ketara iaitu kepada penurunan trend populasi pekerja dan produktiviti. Bagi menghadapi cabaran dan dampak negara menua, kita perlu mencari jalan memperlahangkan proses penuaan ini. Proses penuaan ini tidak boleh dihalang atau diberhentikan tetapi kita perlu mempunyai pelan persediaan bagi menghadapi situasi tersebut.

Jika kita teliti jumlah peratusan struktur umur penduduk yang berumur 0-14 tahun berlaku penurunan pada kadar 0.4% bagi 3 tahun iaitu ; tahun 2020 sebanyak 24%, 2021 sebanyak 23.6%, 2022 sebanyak 23.2%, dan 2023 sebanyak 22.6%.

Umum mengetahui negara-negara jiran dan serantau juga menghadapi perkara penurunan bagi jumlah kadar kesuburan, tetapi kadar tersebut agak perlahan penurunannya. Sehubungan itu, objektif kita agar dapat melandaikan graf penurunan ini bagi negara kita.

Persoalan saya, apakah kemampuan hospital Kerajaan dalam meningkatkan kemampuan kesihatan reproduktif. Berapa jumlah Hospital yang menyediakan perkhidmatan IUI dan IVF. Berapa ramai doktor pakar reproduktif masih berkhidmat di hospital Kerajaan. Adakah harga perkhidmatan yang dikenakan mampu diakses oleh rakyat. Berapa jumlah makmal reproduktif.

Dewan Rakyat juga perlu mencadangkan agar Kerajaan menetapkan polisi yang mampan seperti fleksibel waktu bekerja, yuran pusat penjagaan kanak yang mampu bayar, perbanyakkan pusat asuhan ditempat kerja, dan *paternity leave* kepada ibu bapa yang bekerja untuk meringankan bebanan mereka dalam meningkatkan kadar reproduktif rakyat Malaysia. *Population Complexity* ini yang harus kita uruskan dengan penuh keberanian dan semua pihak kena bersama-sama."

### **[ Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ]**

9. PR-1523-U(27)283

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan sebuah Kertas Putih Imigresen yang membincangkan tentang kadar atau jumlah sebenar kemasukan pelawat asing ke negara Malaysia.

Perkara ini bertujuan untuk mengetahui pergerakan pelawat asing berkenaan sama ada mereka terus tinggal di Malaysia atau dalam satu tempoh tertentu. Menerusi ini kita akan mengetahui jumlah sebenar populasi rakyat di negara ini melalui pengenalpastian perbezaan antara jumlah Warganegara Malaysia, Jumlah Pelawat Asing yang masuk ke negara kita sebagai pekerja ataupun dengan tujuan melancong.

Hal ini, akan memudahkan Kerajaan untuk merangka dan melaksanakan pelbagai pelan inisiatif mahupun bantuan seperti subsidi bersasar dan lain-lain agar setiap pelaksanaan tersebut dinikmati oleh rakyat di negara kita."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

10. PR-1523-U(27)286

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menerima hakikat bahawa lebih 100,000 calon peperiksaan SPM pada tahun 2022 telah gagal dalam mata pelajaran dan sekaligus gagal mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Menerima hakikat juga bahawa kegagalan dalam peperiksaan SPM ini mengakibatkan masa depan yang gelap kepada calon pada purata 70 ribu hingga 100 ribu setahun.

Menerima hakikat bahawa pelajar tercicir ini tidak ada lagi ruang untuk melanjutkan pelajaran maka segolongan pelajar tercicir ini akan menjadi kerugian dalam sumber tenaga kerja negara.

Dan menerima hakikat bahawa matlamat mendidik sebuah generasi pelajar untuk membina dan membangun negara kita telah gagal maka Kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang serius terhadap masalah ini.

Maka dengan itu Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar silibus dan buku-buku teks Subjek Sejarah Tingkatan Satu, Dua, Tiga, Empat dan Tingkatan Lima hendaklah dikaji semula dan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen hendaklah ditubuhkan untuk mendapat pandangan daripada setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelusuk negara, dan pada masa yang sama Jemaah Kabinet hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kabinet Kajian Semula Silibus dan Buku Teks Sejarah yang dianggotai oleh Menteri-Menteri yang mewakili Sabah, Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu dan parti-parti politik yang menubuhkan Kerajaan Perpaduan."

**[ Menteri Pendidikan ]**

11. PR-1523-U(27)287

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini Menerima hakikat bahawa sebuah Suruhanjaya Siasatan DiRaja yang ditubuhkan oleh Kerajaan suatu ketika dahulu telah berjaya membuat siasatan dan seterusnya telah dibentangkan di Dewan Yang Mulia ini.

Dan menerima hakikat bahawa setelah sekian lama laporan tersebut telah gagal dilaksanakan dan mengakibatkan ketidakpuasan hati sebahagian besar daripada rakyat Malaysia.

Menerima hakikat juga bahawa rakyat tertanya-tanya apakah yang telah terjadi dengan laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tersebut.

Dan menerima hakikat bahawa kecelaruan urus tadbir Pendatang Tanpa Izin; Penduduk Asing di Sabah yang mempunyai Kad Pengenalan yang meragukan; Peningkatan Bilangan penduduk di Sabah Tanpa Kewarganegaraan ataupun *stateless children* dan kehadiran orang asing yang memegang dokumen IMM13 yang tidak ada halatuju.

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan bahawa sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen untuk meneliti dan mengkaji semula rekomendasi dan perakuan Laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja Mengenai Pendatang Asing Tanpa Izin untuk merumuskan suatu Road Map penyelesaian tuntas terhadap masalah oleh empat kategori penduduk golongan pendatang asing di Sabah."

#### [ Menteri Dalam Negeri ]

12. PR-1523-U(27)290

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi. Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa keciciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini. Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 dan M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan. Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan."

#### [ Menteri Pendidikan ]

13. PR-1523-U(27)291  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani serta menghentikan kes jenayah dera kanak-kanak di negara ini. Menteri Dalam Negeri pada 14 Mac 2023 melaporkan bahawa terdapat 220 kes kanak-kanak mati akibat penderaan antara tahun 2018 hingga 2022. Data Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat antara Januari hingga Jun 2022 juga mendedahkan terdapat 1,055 kes penderaan kanak-kanak di negara ini. Kanak-kanak adalah masa depan negara. Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah-langkah pro-aktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala, meneliti semula undang-undang serta garis panduan berkenaan penjagaan kanak-kanak, meningkatkan kesedaran masyarakat, dan lain-lain."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

14. PR-1523-U(27)292  
**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :
- "Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mengambil tindakan yang lebih pro-aktif dan efisyen bagi meningkatkan kesedaran, tindak balas, dan kerjasama masyarakat dalam menghadapi bencana alam. Kerajaan telah mengumumkan penubuhan Pusat Bencana Geologi Negara pada akhir tahun ini serta pembangunan Sistem Amaran Awal Tanah Runtuh (SAATR). Inisiatif ini akan dapat meningkatkan kecekapan tindak balas bencana agensi-agensi berkaitan. Bagaimana pula dengan tindak balas masyarakat.

Apa yang telah dan sedang Kerajaan usahakan bagi memastikan rakyat bukan sahaja peka tetapi takut dan patuh kepada arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa. Kerajaan perlu menguatkuasakan Akta Pertahanan Awam 1951, Akta 221 bawah seksyen 4 (C) di mana tindakan boleh diambil ke atas mereka yang tidak patuh kepada arahan pihak berkuasa contohnya arahan untuk berpindah dalam situasi banjir yang boleh membahayakan penduduk dan pada masa yang sama memberi risiko kepada penyelamat."

**[ Perdana Menteri ]**

15. PR-1523-U(27)293

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara teperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran serta merangka perancangan penyelesaian jangka pendek dan panjang yang komprehensif termasuk penguatkuasaan terhadap golongan kartel orang tengah serta menambahkan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan. Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada individu (sebagai *end user*) mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

16. PR-1523-U(27)294

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khasnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia. Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

17. PR-1523-U(27)295

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam. Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

18. PR-1523-U(27)296

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111 km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaik pulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron. Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakkan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barang termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan. Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

19. PR-1523-U(27)297

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan Negeri. Berdasarkan pelan RMK-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan. Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan Negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan Negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu. Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

20. PR-1523-U(27)298

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar '*rebranding*' daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan. Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan

Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja. Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Perdana Menteri ]**

21. PR-1523-U(27)299

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan melaksanakan segera projek-projek tebatan banjir di seluruh negara untuk memastikan projek ini dilaksanakan secara holistik dan dapat mencari jalan penyelesaian kepada isu banjir yang semakin meruncing akibat kesan perubahan iklim dan pembangunan yang tidak mesra alam. Antara projek yang perlu dilaksanakan segera adalah seperti Projek Pembangunan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok (KESBAN) dan Sungai Kelantan. Dengan pembinaan projek tersebut, risiko banjir besar dapat dikurangkan. Di samping itu, projek tebatan banjir di Selangor khususnya di Shah Alam dan bandar Kuala Lumpur juga diharapkan dapat dilaksanakan dengan komprehensif agar dapat menangani masalah banjir kilat."

**[ Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim ]**

22. PR-1523-U(27)300

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan melaksanakan satu perancangan persediaan dan pengurusan risiko bagi menghadapi bencana alam dapat disemak semula akibat impak perubahan iklim yang sangat drastik sejak kebelakangan ini. Hal ini demikian kerana perancangan rapi penting bagi memastikan tahap kesiapsiagaan anggota terlibat berada di tahap yang tinggi. Di samping itu, Kerajaan juga perlu merencana satu langkah holistik bagi mendidik masyarakat agar bersiag siaga untuk menghadapi bencana alam kerana kesedaran terhadap isu ini di dalam kalangan masyarakat masih berada di tahap yang rendah berdasarkan peristiwa bencana alam yang lepas."

**[ Perdana Menteri ]**

23. PR-1523-U(27)301

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan. Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano juga baru-baru ini secara tidaklangsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu. Oleh hal yang demikian, tindakan segera Kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

24. PR-1523-U(27)302

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat berkenaan jualan arak. Garis panduan yang khusus perlu dikaji dan diwujudkan oleh Kerajaan bagi mengawal penjualan arak yang meliputi waktu dan tempat jualan arak yang seragam dan boleh diguna pakai di seluruh negara bagi tujuan mengelakkan masalah sosial yang sering timbul seperti masalah rumah tangga dan kemalangan jalan raya. Oleh yang demikian, keseragaman tindakan daripada Kementerian Kewangan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah amat diperlukan sekiranya ingin melaksanakan tindakan kawalan yang lebih ketat terhadap jualan arak kerana ketika ini ketidakseragaman tindakan antara dua entiti ini menjadi antara punca kawalan jualan arak tidak dapat dilaksanakan secara efektif dan efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1523-U(27)303

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi dan Digital ]**

26. PR-1523-U(27)304

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyediakan perancangan, peruntukan dan prasarana kepada pelajar-pelajar universiti, kolej, STPM dan SPM bagi menghadapi kaedah pembelajaran alaf baru seperti pembelajaran dalam talian dan menggunakan media elektronik. Ini bagi memboleh dan mendedahkan mereka ke alam teknologi siber dan e-pembelajaran yang semakin berkembang yang seterusnya memerlukan guru-guru yang terlatih dalam pendidikan alaf baru."

**[ Menteri Pendidikan ]**

27. PR-1523-U(27)305

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan keluar dan masuk sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu. Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket pemerdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya. Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu. Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya 'Free Flow' ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 24.10.2023 (Selasa)	1. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	1. Pelaksanaan Dasar Bebas Visa atau <i>Visa on Arrival</i> (VOA) untuk Pelancong dari China dan India	1. YB Menteri Dalam Negeri
2. 24.10.2023 (Selasa)	2. YB Tuan Tan Hong Pin (Bakri)	2. Penglibatan Pengundi Pos Luar Negara dalam Pilihan Raya	2. YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri
3. 24.10.2023 (Selasa)	3. YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah)	3. Perkembangan Terkini Projek <i>Kuala Linggi International Port</i> (KLIP) di Daerah Alor Gajah	3. YB Menteri Pengangkutan
4. 24.10.2023 (Selasa)	4. YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin (Masjid Tanah)	4. Penambahbaikan Mutu Perkhidmatan di Hospital Alor Gajah	4. YB Menteri Kesihatan

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**